

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

SOALAN NO. 246

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam jadual jumlah pesakit-pesakit mental di kawasan Kuching, kategorikan mengikut diagnosis dan kuantiti peningkatan sejak tahun 2010 serta langkah-langkah Kerajaan untuk menangani isu “mental health” terutamanya di kalangan orang muda.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Program Cabaran Agenda Sosial - Kesihatan Mental & Generasi Muda anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada 27 Februari 2018 bersetuju menerima perkara-perkara berikut bagi melaksana dan menggesa saranan serta resolusi untuk tindakan pihak belia, ibu bapa/penjaga, masyarakat, majikan/rakan sekerja dan Kerajaan seperti berikut:

- (a) Peranan belia
 - a. Golongan belia disaran mendapatkan khidmat kepakaran tanpa sebarang stigma / was-was kepada sebarang bantuan dan sokongan berkaitan kesihatan mental khususnya yang telah diberikan oleh kumpulan pakar kesihatan mental;
 - b. Golongan belia disarankan untuk mengenal pasti simptom-simptom yang ada pada diri dan ambil perhatian serius

dengan mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan daripada pakar dalam bidang kesihatan mental;

- c. Golongan belia disaran untuk menerapkan serta meningkatkan amalan keagamaan dan kerohanian bagi mengurangkan risiko kesihatan mental; dan
- d. Golongan belia disyorkan untuk melibatkan diri dalam kempen-kempen berkaitan kesihatan mental yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

(b) Peranan Ibu Bapa

- a. Ibu bapa/penjaga perlu memberikan perhatian kepada anak-anak secara individu bagi mencegah mereka terdedah dengan masalah yang boleh membawa kepada isu kesihatan mental; dan
- b. Ibu bapa/penjaga hendaklah mempunyai pengetahuan (*parenting skill*) bagi mendidik anak-anak agar mempunyai daya tahan diri.

(c) Peranan Masyarakat

- a. Masyarakat disarankan agar menerima dan tidak mempunyai stigma terhadap pesakit mental agar mereka ini tidak terasa terpinggir.

Satu mesyuarat bagi membincangkan isu kesihatan mental pada peringkat nasional yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada 13 Jun 2019. Mesyuarat berkenaan telah membincangkan beberapa pendekatan yang boleh diambil bagi menangani isu kesihatan mental di Negara ini. Antara pendekatan yang telah dipersetujui adalah:

- a. Menjadikan bulan Oktober sebagai Bulan Kesejahteraan Kesihatan Minda. Di samping itu, satu promosi nasional

Let's TALK Malaysia - #Let'sTalkMy dilancarkan bagi mengatasi stigma terhadap kesihatan mental dengan pengibatan beberapa agensi kerajaan serta pihak NGO;

- b. *Decriminalization of suicide* bagi mengubal Seksyen 309 dari Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara selama setahun atau denda jika didapati seseorang membuat percubaan untuk membunuh diri. Ini adalah untuk membantu menggalakkan individu yang bermasalah dan mempunyai keinginan membunuh diri tampil untuk mendapatkan bantuan yang sewajarnya;
- c. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) perlu menjadikan talian Befrienders dan Kasih tanpa caj (*Toll Free*) agar panggilan kecemasan dibuat tanpa gangguan; dan
- d. KKMM juga diminta memantau pembulian siber yang berleluasa dan usahakan cara-cara pengawalan *cyberspace*.

Sekian, terima kasih.